



PERSATUAN OLAHRAGA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (POWPKL)

FEDERAL TERRITORY KUALA LUMPUR ATHLETIC ASSOCIATION (FTKLAA)

No. Pendaftaran N-KUL-00518

Tingkat 2, Wisma OCM, Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-20221418

Email: sportftaaa@hotmail.com

Website: www.ftklaa.com

PRESIDEN

DATUK SERI (Dr) V.PULAINTHIRAN

SETIAUSAHA KEHORMAT

EN. MUREGESU SOOSAIMANY, *KMW, AMN, PPN, BAT, PJM*

BENDAHARI KEHORMAT

EN. SYAMSUL BANI B. ABDULLAH

3 Julai 2025

POWPKL/KEJOHANAN /2025 (1)

Kepada:

Setiausaha Persatuan Olahraga Negeri
Pengarah, Majlis Sukan Negeri WPKL
Ahli Gabungan POWPKL
Sekolah – Sekolah WPKL

YBhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan

**KEJOHANAN OLAHRAGA TERBUKA PROGRAM PEMBANGUNAN RAKAN MUDA
POWPKL/RAKAN MUDA/MSWP/MILO 2025 (7 HINGGA 15 TAHUN)**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Persatuan Olahraga WPKL dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan MILO akan mengelolakan kejohanan tersebut seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 5 – 7 September 2025 (Jumaat, Sabtu & Ahad)
Tempat : Stadium UPM Serdang, Selangor
Masa : 7.00 pagi hingga 6.00 petang

3. Sehubungan itu kami menjemput pasukan YBhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan untuk mengambil bahagian di dalam kejohanan ini. Penyertaan pasukan tuan akan mewujudkan satu persaingan yang positif bagi semua atlet yang bertanding.

4. Bersama-sama ini disertakan segala maklumat berhubung kaitan dengan kejohanan ini iaitu **Surat Jemputan, Peraturan Pertandingan, Jadual Pertandingan dan Borang Penyertaan** untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan.

5. Kerjasama dan sokongan pihak YBhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan dalam menjayakan program ini, sangat-sangatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

MUREGESU SOOSAIMANY

Setiausaha Kehormat
Persatuan Olahraga WPKL

s.k. : Presiden POWPKL - Datuk Seri (Dr) V. Pulainthiran